

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ اللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala perintah serta menjauhi semua larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keampunan dan beroleh kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Taala,

Hari ini, seluruh umat Islam berhimpun, bagi menzahirkan kesyukuran dan ketaatan kepada Allah. Bermula hari ini, sehinggalah 3 hari akan datang, umat Islam disunatkan untuk bertakbir, bertahlil, bertasbih dan bertahmid bagi memperbesarkan Allah. Dengan penuh bersemangat, takbir raya Aidul Adha dilaungkan dan diperdengarkan secara beramai-ramai dengan menyebut:

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Bagi orang mukmin yang memahami lafaz takbir yang dilaungkan, dia akan dapat merasai betapa Maha Agongnya Allah Subhanahu Wa Taala dalam kehidupannya. Dia akan merasai yang Allah itu melebihi kepentingan dirinya sendiri. Dia akan menginsafi betapa kerdil dirinya di sisi Allah yang Maha Besar. Lantaran menghayati lafaz takbir yang indah ini, seorang mukmin tidak akan sanggup melanggar perintah Allah. Dia tidak akan berani untuk mempertikaikan hukum-hakam Allah. Dia juga akan malu untuk mempersoalkan apa sahaja yang telah diperintah Allah dalam kehidupannya. Kerana jiwanya sudah memahami, bahawa sesungguhnya yang Maha Besar itu, hanyalah Allah, dan dia juga merasai dirinya hina di sisi Allah.

Tidak adalah nilai yang terbaik apabila menghayati lafaz takbir ini, melainkan seorang mukmin itu berjaya untuk mengikis sifat takabbur, sombong, serta ujub dengan kehebatan pemikiran dan diri sendiri, setelah merasai kebesaran Allah. Dalam sepotong hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* bersabda:

وَلَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ أَحَدٌ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ حَبَّةٍ خَرْدَلٍ مِنْ كِبْرِيَاءٍ

Yang bermaksud: *dan tidak akan masuk syurga sesiapa yang di dalam hatinya terdapat seberat biji sawi daripada perasaan kibir atau memperbesarkan diri.*

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Taala,

Sesungguhnya, sambutan Aidil Adha ini merupakan satu peringatan untuk kita semua, mengenai kisah pengorbanan yang dilakukan oleh keluarga nabi Ibrahim *'alaihis salam*. Agungnya kisah yang mulia ini, sehingga keluarga Baginda dirakamkan setiap kali berselawat dalam solat. Keluarga Baginda merupakan keluarga contoh bagi orang beriman, kerana telah memilih untuk tunduk dalam melaksanakan semua perintah Allah Subhanahu wa Taala, tanpa mengira keadaan, bagi membuktikan Islam yang hakiki. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Baqarah ayat 130 hingga 131:

وَمَنْ يَرْغَبْ عَنْ مِلَّةِ إِبْرَاهِيمَ إِلَّا مَنْ سَفِهَ نَفْسَهُ، وَلَقَدْ اصْطَفَيْنَاهُ فِي
الدُّنْيَا وَإِنَّهُ فِي الْآخِرَةِ لَمِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٣٠﴾ إِذْ قَالَ لَهُ رَبُّهُ أَسْلِمْ قَالَ
أَسْلَمْتُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٣١﴾

Yang bermaksud: *Tidak ada orang yang membenci agama Nabi Ibrahim selain dari orang yang membodohkan dirinya sendiri, kerana sesungguhnya Kami telah memilih Ibrahim (menjadi nabi) di dunia ini; dan sesungguhnya ia pada hari akhirat kelak tetaplah dari orang yang soleh yang (tertinggi martabatnya). (Ingatlah) ketika Tuhannya berfirman kepadanya: "Serahkanlah diri (kepadaKu wahai Ibrahim)!" Nabi Ibrahim menjawab: "Aku serahkan diri (tunduk taat) kepada Tuhan Yang Memelihara dan Mentadbir sekalian alam".*

Ketika jutaan umat Islam sedang berhimpun di Kota Makkah bagi menyempurnakan ibadah haji, kita pula di sini digalakkan untuk melaksanakan ibadah korban. Baik ibadah haji atau korban, hakikatnya, Allah ingin

menghubungkan kita dengan kisah pengorbanan keluarga Ibrahim, yang tunduk bersetuju tanpa banyak soal terhadap perintah Allah Subhanahu wa Taala. Bermula dengan pengorbanan isterinya Saiyidatuna Hajar yang ditinggalkan oleh Nabi Ibrahim *alaihis salam* semasa Nabi Ismail *alaihis salam* masih menyusu, sehingga berjaya membangunkan kota Makkah yang asalnya gersang, menjadi kota tumpuan umat Islam. Tidak cukup dengan itu, mereka juga tunduk kepada perintah Allah untuk menyembelih putera kesayangan mereka Nabi Ismail *alaihis salam*. Inilah gambaran sebuah keluarga yang soleh, tanpa ragu-ragu menerima bulat-bulat apa yang diwahyukan Allah Taala. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Soffat ayat 102 hingga 105:

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَؤُا إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَى ۚ قَالَ يَتَّبِعِ أَفْعَلْ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ﴿١٠٢﴾ فَلَمَّا أَسْلَمَا وَتَلَّهُ لِلْجَبِينِ ﴿١٠٣﴾ وَنَدَيْنَاهُ أَنِ يَتَّبِعِ إِبْرَاهِيمَ ﴿١٠٤﴾ قَدْ صَدَّقْتَ الرُّؤْيَا إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٠٥﴾

Yang bermaksud: Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: "Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?". Anaknya menjawab: "Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; Insya Allah, ayah akan mendapati daku daripada orang-orang yang sabar". Setelah keduanya berserah bulat-bulat (menjunjung perintah Allah itu), dan Nabi Ibrahim *alaihis salam* merebahkan anaknya dengan meletakkan iringan mukanya di atas tanah,

(Kami sifatkan Ibrahim - dengan kesungguhan azamnya itu telah menjalankan perintah Kami). Serta Kami menyerunya: "Wahai Ibrahim! "Engkau telah menyempurnakan maksud mimpi yang engkau lihat itu". Demikianlah sebenarnya Kami membalas orang yang berusaha mengerjakan kebaikan.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Taala,

Bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidil Adha ini, marilah kita bersama-sama bermuhasabah, sejauh manakah kita telah berkorban demi agama kita. Berapa banyak keringat yang telah diperah untuk agama, berbanding Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam yang banyak kali darah yang menitis demi Islam. Berapa banyak wang ringgit yang telah kita sumbangkan, berbanding Saidina Abu Bakar Radhiallahuanhu yang telah menyerahkan seluruh hartanya demi memenangkan agama. Berapa banyak kepentingan anak isteri dan keluarga yang kita korbakan demi kepentingan Islam, berbanding dengan pengorbanan yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim alaihis salam, Saiyidatuna Hajar dan juga Nabi Ismail ‘alaihimussolatu wassalam.

Umat Islam hari ini lebih mengutamakan logik akal mereka daripada perintah Allah Subhanahu wa Taala sebagai contoh mereka mementingkan kemenangan politik berpihak kepada mereka daripada perpaduan umat Islam. Korbankanlah kepentingan politik masing-masing. Fikirkanlah masa depan umat Islam khususnya bangsa Melayu yang memerlukan perpaduan untuk menyelamatkan negara ini daripada terlepas ke tangan orang lain. Janganlah bersekongkol dan memberi sokongan kepada mana-mana pihak yang cuba menghakiskan ajaran Islam dan kuasa politik bangsa Melayu. Kesannya

menyebabkan umat Islam dipermain-mainkan, agama dihina seperti anak tidak sah taraf boleh di bin dan di binti kan kepada lelaki yang menzinai ibunya, bahasa Melayu dipinggirkan, tulisan jawi dihapuskan dan adat istiadat Melayu diperlekehkan serta kedaulatan institusi Diraja direndahkan.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Mengakhiri khutbah Aidil Adha ini, mimbar menyeru umat Islam agar bersama-sama mencari ruang, di manakah kita boleh berkorban dengan penuh keikhlasan demi agama tercinta. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Ma'idah ayat 27:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

Yang bermaksud: 71. *Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka Sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ. وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُوكَ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي

وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوكَ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ

الرَّحِيمُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ،

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا،

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا * يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِكَ وَرَسُولِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ،
وَتَكَزَّوْذُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ النَّقْوَى وَأَتَّقُونَ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu Wa Taala dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin muslimat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Taala.

Hari ini 10 Zulhijjah adalah hari raya aidil adha, manakala hari esok 11, 12 dan 13 Zulhijjah adalah hari-hari tasyrik yang mana umat Islam boleh melakukan ibadah korban sehingga terbenam matahari. Umat Islam diharamkan berpuasa pada hari tersebut. Umat Islam disunatkan bertakbir, bertahmid bertasbih dan bertahlil mulai masuknya waktu maghrib pada 10 Zulhijjah iaitu malam hari raya sehinggalah waktu Asar hari ke 13 Zulhijjah. Ia dilakukan selepas setiap solat sama ada solat fardu mahupun solat sunat.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ، يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْمَبْعُوثِ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ.
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ
وَعَلِيٍّ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَقَاضِي الْحَاجَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, kurniakan taufik, hidayah ,riayah dan inayah, kesejahteraan dan keselamatan serta keberkatan kepada alim ulama', para pemimpin dan raja-raja kami, khasnya:

مَوْلَانَا السُّلْطَانَ الْحَاجَ أَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانِ أَبُو بَكْرٍ
رِعَايَةِ الدِّينِ الْمُعْظَمِ شَاهِ وَلِيِّ الْعَهْدِ تَعَكُّو عَبْدُ اللَّهِ الْحَاجِ ابْنِ السُّلْطَانِ
الْحَاجِ أَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ الْقَائِمِ بِأَعْمَالِ مَلِكِ فَهَع.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا فَمْعَ دَارِ الْمُعْمُورِ وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً
رَاحِيَةً، يَا رَوْفَ بِالْغِبَادِ.

Ya Allah Ya latif Ya Hafiz, kurniakanlah rahmat dan hidayah kepada kami, perkukuhkan perpaduan antara kami serta perelokkanlah segala urusan dunia dan akhirat, tambahkan ilmu yang manfaat, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak yang mulia.

Ya Allah, kekalkanlah keamanan dan keselamatan negeri Pahang Darul Makmur. Jauhkan kami daripada bala', waba', fitnah, perpecahan dan huru hara.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ وَأَنْصُرْ عِبَادَكَ
الْمُؤَحِّدِينَ

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

آمين . يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،
وَأشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ
يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.